

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Apabila menyebut masyarakat Orang Asli, seringkali gambaran yang terlintas dalam fikiran kita hanyalah gambaran masyarakat yang serba ketinggalan. Kemunduran mereka sering kali dikaitkan dengan cara hidup yang nomadik dan tempat tinggal yang jauh di dalam hutan. Lantaran itu timbul pelbagai konotasi yang tidak baik seperti 'pemungut hasil hutan', 'kettinggalan', 'terpisah dari dunia luar', 'berfikiran tertutup', 'sukar untuk berkomunikasi', 'mundur', dan pelbagai sikap negatif lain. Masih ramai yang tidak menyedari bahawa fenomena ini sedikit sebanyak telah mengalami perubahan kesan daripada pembangunan yang dirancang dan juga yang tidak dirancang.

Keperihatinan kerajaan Malaysia dalam menangani isu dan masalah Orang Asli di Semenanjung Malaysia jelas tergambar melalui usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi komuniti ini. Pelbagai program telah dan sedang dilaksana dan dirangka dengan harapan agar kawasan penempatan komuniti ini dapat mengecapai nikmat pembangunan, selaras dengan matlamat negara untuk memajukan mereka seiring dengan masyarakat umum yang lain. Sehubungan dengan itu usaha ke arah meningkatkan taraf sosio ekonomi komuniti

Orang Asli secara berencana telah dimulakan semenjak Rancangan Malaysia ketiga (RM3) 1976-1980 sehingga ke hari ini, dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Dalam kajian ini tumpuan akan diberikan kepada hubungan di antara pembangunan dan perubahan sosial dalam masyarakat Jakun. Elemen pembangunan yang akan ditinjau dalam kajian ini melibatkan pembangunan dari segi prasarana atau infrastruktur, ekonomi, dan pendidikan. Elemen ini akan digunakan sebagai angkubah utama yang membawa kepada perubahan kepada masyarakat Orang Asli umumnya dan komuniti Jakun khususnya.

Orang Asli merupakan satu istilah umum yang dirujukan kepada tiga kumpulan utama 'masyarakat asal' di Semenanjung Malaysia. Tiga kumpulan utama tersebut terdiri daripada Negrito (di bahagian Barat Semenanjung ia lebih dikenali dengan Semang) Senoi, dan Melayu Asli. Dari ketiga-tiga kumpulan ini kumpulan Melayu Asli membentuk enam kumpulan yang berbeza. Kumpulan-kumpulan ini terdiri daripada Jakun, Semelai, Temuan, Orang Kanaq, Orang Laut, dan Orang Seletar.

Sementara kumpulan Negrito terdiri daripada Kintak, Kensiu, Jahai, Menderik, Lanoh, dan Batek. Manakala kumpulan Senoi terdiri daripada Semai, Temiar, Semok Beri,

Che Wong, Jah Hut, dan Mah Meri.

Berhubung dengan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Orang Asli, didapati kumpulan Nergrito dan Senoi menggunakan bahasa dari rumpun Austroasiatik. Manakala bagi kumpulan Melayu Asli mereka menggunakan bahasa dari rumpun Austronesian.

Bagi masyarakat Jakun yang tergolong dalam kumpulan Melayu Asli turut menggunakan bahasa dari rumpun Austronesian. Namun terdapat berbagai pendapat telah dikemukakan berhubung dengan isu bahasa pertuturan masyarakat ini. Williams-Hunt (1952) misalnya berpendapat masyarakat Jakun menggunakan bahasa 'archaic' atau bahasa lama yang berasaskan Bahasa Melayu. Sementara Carey (1976) menyatakan suku Jakun bercakap menggunakan Bahasa Melayu. Kenyataan ini didasarkan kepada kajian yang beliau lakukan di Daerah Endau. Dari 300 patah perkataan yang dikumpul, didapati hanya terdapat dua perkataan sahaja yang berbeza dari Bahasa Melayu. Menurut Collins (1985) berdasarkan kajian yang dilakukan di kalangan komuniti Jakun di Kampung Landai, Nenasi, Pekan, Pahang, mendapati Bahasa Melayu digunakan dalam pertuturan harian. Tetapi ianya mempunyai kelaianan dari segi fonetik dan fonologi yang mencirikan ragam dialek ini atau lebih dikenali dengan dialek Melayu Landai.

Kumpulan Orang Asli merupakan masyarakat pribumi yang telah menetap di Semenanjung sejak zaman pra-sejarah lagi. Ketiga-tiga kumpulan ini terbahagi kepada lapan belas kelompok kaum yang lebih kecil dan tersebar di seluruh Semenanjung Malaysia. Kelompok-kelompok ini terdiri daripada Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Menderik, Batek, Temiar, Semai, Semoq Beri, Jah-Hut, Mahmeri, Che Wong, Temuan juga dikenali sebagai Belandas, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, dan Orang Seletar.

1.1 Kajian Orang Asli

Bidang kajian berhubung dengan masyarakat Orang Asli di negara ini bukan merupakan suatu bidang baru. Penulisan berhubung dengan masyarakat ini telah bermula semenjak awal Abad ke 19. Kajian awal berhubung dengan masyarakat Orang Asli kebanyakannya dilakukan oleh golongan pengembala, ahli etnografi, peminat bahasa, dan mereka yang melakukan ekspedisi ketenteraan.

Walaupun penulisan yang dilakukan pada peringkat awal tersebut bukan berbentuk kajian antropologi, namun ia amat bermakna kerana ia menjadi titik tolak ke arah satu bentuk pengkajian yang lebih komprehensif. Di samping itu ia juga dapat memberi satu bentuk pendedahan, dan gambaran awal tentang komuniti Orang Asli.

Hood Salleh (1993) telah mengklasifikasikan kajian yang dilakukan berhubung dengan masyarakat Orang Asli kepada tiga kategori pengkaji.

Pertama melibatkan pengkajian yang dilakukan oleh penyelidik luar negara termasuk pentadbir British. Golongan kedua terdiri daripada para sarjana luar negara, dan ketiga terdiri daripada pengkaji-pengkaji tempatan. Untuk melihat senarai kajian yang telah dilakukan semenjak tahun 1824 sehingga tahun 1980, sila rujuk (Hood 1993). Selain dari itu terdapat juga senarai kajian yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, dan lain-lain universiti. Sila rujuk (Tan 1995) untuk mendapatkan senarai kajian Orang Asli yang dilakukan oleh pelajar dari Universiti Malaya .

Bagi mendalami bidang kajian berhubung dengan masyarakat Orang Asli, seharusnya usaha gigih perlu dilakukan oleh para penyelidik agar kedangkalan ilmu dapat diatasi. Dalam usaha ini Benjamin (1989) mencadangkan agar para penyelidik dapat memanfaatkan perbezaan kepakaran, kawasan kajian, dan kerangka teori yang digunakan. Seterusnya pertukaran hasil kajian yang dilakukan pada satu-satu kawasan yang sama juga perlu dilakukan.

Sehingga kini banyak kajian yang telah dilakukan

mengenai masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun kajian tersebut lebih tertumpu kepada kumpulan masyarakat Senoi dan Negrito. Sementara masyarakat Orang Asli daripada kumpulan Melayu Asli kurang mendapat perhatian.

Antara pengkaji yang menfokuskan kajian di kalangan komuniti Semai dari kumpulan Senoi, seperti Dentan (1967, 1968, 1975), Fix (1974, 1977), Gomes (1986, 1991, 1993), Williams-Hunt (1984, 1994), Juli Edo (1988), dan Nicholas (1990).

Sementara pengkaji lain yang turut terlibat dengan pengkajian terhadap kumpulan Senoi seperti Benjamin (1966, 1993), dan Roseman (1991). Kedua-dua mereka ini memberi tumpuan kepada komuniti Temiar. Selain daripada itu Nowak (1982), dan Wazir (1991) memilih komuniti Ma' Betisek sebagai kumpulan sasaran kajian.

Begitu juga dengan kumpulan Negrito, antara pengkaji yang telah melakukan kajian ke atas komuniti ini seperti Endicott 1979, 1984) yang memberi tumpuan kepada komuniti Batek. Rambo (1978, 1985) juga tidak ketinggalan dalam mengkaji masyarakat Orang Asli daripada kumpulan Negrito. Selain itu Nagata (1987), dan Mohd Razha (1973) telah memilih komuniti Kintak juga dari kumpulan Negrito.

Kajian berhubung dengan Orang Asli daripada kumpulan Melayu Asli kurang diberi perhatian oleh ahli etnografi. Namun ini tidak bermakna tidak ada langsung kajian dilakukan. Antara pengkaji yang memberi tumpuan kepada masyarakat Orang Asli dari kumpulan Melayu asli seperti Hood (1976, 1978), dan Gianno (1985, 1986). Kedua-duanya telah memilih komuniti Semelai dari kumpulan Melayu Asli. Selain itu pengkaji seperti Azizah Kassim (1977), dan Baharon (1973) telah membuat penelitian terhadap komuniti Temuan.

Seorang lagi pengkaji iaitu Omar Abdul (1985) turut membuat kajian berhubung dengan komuniti Orang Kanaq dari kumpulan Melayu Asli, aspek yang disentuh berhubung dengan kepelbagaiannya kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh komuniti ini.

Kajian terhadap komuniti Jakun atau Orang Hulu(Ulu) amat kurang berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain. Hakikat ini diakui oleh Benjamin (1989:24), beliau berpendapat kumpulan masyarakat Jakun kurang menarik untuk dikaji berbanding kumpulan Senoi dan Negrito.

Antara pengkaji yang pernah menghasilkan penulisan tentang komuniti Orang Hulu seperti Maeda (1976, 1969, 1971). Hasil kajian beliau yang dilakukan di perkampungan Orang Asli di sepanjang sungai Endau-Rompin memberi

penjelasan tentang kuasa, kepimpinan, dan terminologi dalam sistem kekeluargaan Orang Hulu. Hasil kajian yang untuk Latihan Ilmiah oleh Roslan Nik (1989) turut membicarakan tentang komuniti Jakun di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS).

Kajian oleh Amran Kasimin (1993) yang dilakukan sekitar 1981 bagi memenuhi syarat untuk keperluan PhDnya di University of Aberdeen juga dilakukan di kalangan komuniti 'Orang Ulu'. Beliau memilih kumpulan Melayu Proto yang terdiri daripada komuniti Orang Ulu dan Orang Laut yang menetap di Negeri Johor. Aspek yang menjadi tumpuan perbincangan berhubung dengan agama dan kepercayaan serta perubahan yang berlaku. Unsur kepercayaan anamisme didapati masih menebal di kalangan suku ini walaupun mereka telah memeluk Islam. Fokus kajian beliau cukup menarik kerana keupayaannya memberi penjelasan dan penelitian yang terperinci berhubung dengan perubahan kepercayaan terhadap Islam.

Berdasarkan faktor kekurangan kajian di kalangan komuniti ini, membuatkan pengkaji merasakan amat perlu kajian dilakukan. Pengkajian dan penulisan tentang Orang Asli tidak pernah menemui noktahnya. Ramai pengkaji terlibat termasuk yang terlatih dan tidak terlatih, di samping sarjana tempatan dan juga luar negara.

Pengkaji-pengkaji asing seperti Robert Dentan, Geoffrey Benjamin, Marina Roseman, Gianno Rosemary, dan ramai lagi, banyak menyumbang kepada kajian etnografi Orang Asli. Semenjak tahun 70an telah muncul pengkaji tempatan yang bukan terdiri daripada Orang Asli seperti, Hood Salleh, Wazir Jahan Karim, Alberto Gomes, dan Colin Nicholas.

Kebelakangan ini muncul pula golongan pengkaji yang terdiri daripada Orang Asli sendiri. Antaranya Anthony Williams-Hunt, Juli Edo, Akim Buntat, Itam Wali Nawan, Long Jidin dan beberapa orang lagi.

Didapati sesetengah pengkaji tempatan yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli sendiri dan juga bukan Orang Asli, turut giat aktif memperjuangkan hak Orang Asli. Antaranya terdiri daripada Anthony Williams-Hunt, dan Colin Nicholas. Perjuangan mereka ini disuarakan melalui Center for Orang Asli Concerns. Yang terbaru suara, keluhan, rintihan serta harapan Orang Asli terhadap pembangunan, telah diterbitkan melalui sebuah buku yang disunting oleh Wan Zawawi Ibrahim (1996).

Namun ini tidak bermakna kita perlu berpuas hati dengan apa yang dihasilkan sehingga kini. Masih terdapat ruang-ruang pengetahuan yang perlu diisi dan dikaji dalam bidang ini. Misalnya aspek arkeologi, linguistik, atnologi

asas, sejarah, teknologi, ekologi, dan epidemiologi Orang Asli (c.f Benjamin 1989).

Kajian-kajian terkini dan bersesuaian dengan masa dan perubahan perlu diberi perhatian. Memandangkan peredaran masa dan kemajuan teknologi yang pesat dan masyarakat Orang Asli turut terlibat maka pastinya perubahan dialami. Lantaran itu kajian ini cuba memberi tumpuan kepada komuniti Jakun yang terpaksa berdepan dengan arus perubahan ini. Sejauh mana komuniti ini dapat mengekalkan ciri-ciri tradisi dan sejauh mana mereka berubah turut dibincangkan pada bab-bab seterunya.

1.2 Pembangunan dan Perubahan

Tujuan kajian ini sebenarnya ingin melihat unsur-unsur pembangunan yang telah membawa perubahan sosial kepada masyarakat Jakun. Oleh itu terlebih dahulu tinjauan perlu dilakukan terhadap kepada konsep pembangunan. Istilah ini bukan sesuatu yang asing bagi kita dewasa ini kerana ia sering dihubung kaitkan dengan kemajuan dan perubahan. Dalam meneliti kemajuan dan perkembangan mana-mana masyarakat, konsep ini sering digunakan.

Terdapat berbagai pendapat yang telah dikemukakan berhubung dengan konsep pembangunan. Antaranya Lucy (1984), menjelaskan tentang pembangunan yang dilihat sebagai suatu

proses atau dalam kontek semasa ia dirujuk kepada peralihan kehadapan yang seharusnya cuba dicapai oleh semua masyarakat. Bagi mereka yang tidak berupaya mencapai kemajuan dan pembangunan ia tergolong sebagai masyarakat '*underdeveloped*'. Walaubagaimanapun istilah '*underdeveloped*' telah ditolak, sebaliknya digantikan dengan istilah '*less developed*'.

Peningkatan taraf hidup serta kemudahan prasarana semata-mata tidak boleh dijadikan penentu kejayaan proses pembangunan. Sebaliknya kuasa politik, pengekalan sosio budaya sendiri juga harus diberi perhatian. Foster (1973) berpendapat pembangunan bukan sekadar perubahan dari segi peningkatan ekonomi semata-mata, tetapi ia melibatkan perubahan dari segi sosial, budaya, dan politik.

Tugas utama pembangunan seharusnya menyediakan keperluan asas seperti makanan, perlindungan, pakaian, air bersih, sistem kebersihan, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, dan peluang pekerjaan. Pembangunan juga boleh dilihat berdasarkan konsep kualitatif yang melibatkan pembangunan dari aspek persekitaran, cara membuat keputusan, hak wanita, dan juga hak golongan minoriti. Dengan erti kata yang lain pembangunan merangkumi bidang yang amat luas. Kita tidak seharusnya melihat perubahan itu sebagai satu garisan yang mendatar sahaja, malah ia punya cabang-cabang dan ranting-ranting yang lebih kecil.

Dalam kontek sesebuah negara yang berkembang pesat, pembangunan bukan sekadar keupayaan memaksimakan Keluaran Negara Kasar (KNK) sahaja. Atau dengan erti kata yang lain pertumbuhan KNK tidak semestinya menggambarkan pembangunan. Sebaliknya penduduk yang sihat, kenal huruf, dan mempunyai pekerjaan perlu dan merupakan pelaburan yang lebih baik untuk sebarang rancangan pembangunan yang berkesan.

Penilaian seharus dilakukan sebelum menentukan mana-mana masyarakat, dan mana-mana negara yang dilihat berada pada tahap kurang membangun dan membangun. Justeru itu Mair (1984) telah menggunakan dua kaedah bagi menentukan tahap masyarakat dan negara. Kaedah pertama bersifat kualitatif, dan kaedah kedua bersifat kuantitatif. Kualitatif pada dasarnya dirujukan kepada kualiti kehidupan masyarakat atau penduduk, dan negara. Sementara kuantitatif dilihat berdasarkan peningkatan pendapatan perkapita. Penilian terhadap kaedah kualitatif boleh dibuktikan dengan menilai tahap pencapaian masyarakat yang dapat mengenal huruf, kadar kemiskinan yang rendah, dan mutu kesihatan yang baik Sears (1976).

Kaedah lain yang boleh digunakan bagi membezakan di antara masyarakat atau penduduk yang berada pada tahap kurang membangun atau membangun ialah kaedah perbandingan. Kaedah ini boleh dibahagikan kepada dua aspek, pertama merujuk kepada peningkatan dan kedua transformasi.

Peningkatan boleh dilihat berdasarkan sejauh mana sesuatu masyarakat atau penduduk telah menerima dan mengadaptasi perkara-perkara baru seperti teknologi, pengetahuan, ilmu, dan lain-lain. Manakala transformasi memperlihatkan bagaimana perubahan struktur berlaku dalam masyarakat atau penduduk. Transformasi yang sedang berlaku dalam masyarakat yang sedang membangun sering menggabungkan antara elemen moden dan tradisi (cf. Buchholt dan Mai 1994). Gabungan kedua-dua elemen ini akan membentuk elemen baru yang disesuaikan mengikut kehendak masyarakat serta berdasarkan aspek sejarah, ekonomi, budaya, ugama, organisasi sosial, dan pengaruh luaran yang akhirnya akan membentuk satu pembawaan watak yang tersendiri kepada masyarakat terbabit.

Elemen pembangunan seperti yang telah dijelaskan mempunyai hubungan yang rapat dan saling bergantungan dengan perubahan sosial. Perubahan sosial dilihat sebagai sesuatu yang terjadi dalam urutan masa dan melibatkan peranan, susunan, serta melibatkan institusi yang terdapat dalam sistem sosial.

Dalam kontek ini perubahan sosial tidak hanya dilihat sebagai satu bentuk peminjaman dan perombakan semula sesuatu institusi sosial dan trait budaya sesuatu masyarakat. Sebaliknya kita harus melihat bagaimana penyesuaian dilakukan dalam satu bentuk baru.

Dalam kes komuniti Jakun, penelitian dilakukan terhadap perubahan sosial yang berlaku. Perubahan yang berlaku di kalangan masyarakat Orang Asli dilihat berdasarkan kepada tiga perkara penting. Pertama pengenalan dengan kegiatan ekonomi pasaran, kedua hasil daripada hubungan antara etnik yang berlaku kesan dari kepelbagaian kegiatan ekonomi, dan yang ketiga hasil daripada program pembangunan.

Masyarakat Orang Asli didapati mengalami perubahan sosial apabila mereka membentuk hubungan dengan masyarakat luar. Di samping itu juga mereka berpeluang memperolehi pendapatan tunai melalui penjualan hasil-hasil hutan. Hasil pendapatan tunai membolehkan mereka memperolehi peralatan dan barang pembuatan. Hood Salleh (1980a) dan Amran Kasimin (1993) melihat perubahan sosial di kalangan komuniti Orang Asli mula berlaku sekitar tahun 1950 an. Era ini dipilih berdasarkan pengaruh unsur-unsur politik yang turut sama menyumbangkan ke arah perubahan corak hubungan Orang Asli dengan pemerintah dan masyarakat umum.

Kesan langsung yang diterima oleh masyarakat Jakun hasil pertembungan tiga perkara tersebut menyebabkan perubahan berlaku dalam struktur masyarakat. Individu dalam masyarakat didapati mempunyai peluang yang lebih luas dalam membuat pilihan (*cf.* Robertson 1984). Misalnya pilihan untuk melakukan jenis pekerjaan bagi memperolehi sumber

pendapatan. Selain dari itu ciri-ciri tradisi yang diamalkan oleh masyarakat juga mengalami perubahan kepada satu bentuk baru yang lebih moden. Idea-idea moden juga mula diterima masuk melalui pendidikan dan pendedahan kepada mendia massa. Didapati individu mula membentuk ciri-ciri yang lebih inovatif dan rational. Individu dalam kumpulan masayarakat juga mula membentuk penyesuaian dengan keadaan baru yang dialami oleh mereka.

Perubahan corak kegiatan ekonomi telah menyebabkan masyarakat Orang Asli lebih berminat untuk melakukan kerja-kerja yang membolehkan mereka mendapatkan wang. Sementara kerja-kerja mengumpul makanan semakin kurang mendapat perhatian (Gomes 1986). Selain dari itu perubahan kegiatan ekonomi turut menyebabkan perkembangan pemilikan persendirian serta mewujudkan perbezaan sosial.

Perubahan corak kegiatan ekonomi dari bentuk sara diri kepada kegiatan ekonomi pasaran benar-benar telah merubah corak hidup Orang Asli. Nicholas (1989) mendapati pertemuan ragam pengeluaran '*Pre Capitalis*' dan ragam pengeluaran '*Capitalis*' telah menyebabkan berlaku ketidakseimbangan. Ragam pengeluaran '*Pre Capitalis*' didapati telah mengalami tekanan sehingga mengakibatkan pengeluaran oleh individu atau oleh masyarakat telah berkurangan (Michael 1984). Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Nicholas (1989) pemodal didapati telah bertindak sebagai 'pembuka' kepada

sistem ekonomi pasaran yang lebih luas dan berdaya saing. Para pemodal yang mewakili golongan kapitalis telah mendedahkan masyarakat Orang Asli dengan penggunaan 'budaya kebendaan'. Tanpa disedari oleh masyarakat Orang Asli mereka terpaksa melibatkan diri dengan faktor pengeluaran untuk melakukan pertukaran.

Masyarakat Orang Asli didapati telah bertukar taraf dari '*produser* ke *proletariat*' (Dentan dan Ong 1993). Kesan langsung yang diterima menjadikan komuniti ini telah kehilangan sumber pengeluaran utama iaitu tanah, tanaman, dan kawasan dusun. Sumber atau faktor pengeluaran ini telah diambil alih oleh 'pembangunan' bagi tujuan pembinaan lebuh raya, empangan, perlombongan, pembalakkan, perladangan dan sebagainya. Apa yang ketara berlaku dalam masyarakat ini ialah dari masyarakat yang berdikari dan menghasilkan bahan keperluan sendiri telah bertukar kepada masyarakat yang 'bergantung' sehingga akhirnya menyebabkan mereka terus tertekan oleh keperluan hidup yang mendesak dan terpaksa menjual tenaga. Mereka kini bukan lagi pengeluar sebaliknya telah bertukar status kepada pengguna.

Corak atau ragam pengeluaran ekonomi sara diri telah bertembung dengan pemodal dan dalam pertemuan ini penguasaan berpihak kepada pemodal.

Masyarakat Orang Asli kini berhadapan dengan kegiatan

ekonomi berdasarkan wang. Kesannya menyebabkan mereka kini menjadi lebih bijak dalam membuat pertimbangan untuk memperolehi keuntungan yang lebih dan memperolehi pendapatan yang cukup untuk menyara keluarga dengan wujudnya pasaran. Didapati pola pekerjaan mereka telah mula berubah daripada kegiatan ekonomi sara diri kepada kegiatan ekonomi wang.

Kegiatan ekonomi tradisi seperti menangkap ikan, mencari rotan, damar, gaharu, dan buah-buahan hutan telah dikomersialkan. Di samping itu mereka juga turut melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti lain seperti sebagai kakitangan kerajaan, pekerja kilang, buruh bermusim, buruh upah, dan lain-lain.

Kesan buruk diterima hasil penguasaan ekonomi pasaran dirasai oleh mereka yang bergantung kepada hasil-hasil hutan untuk mendapatkan wang. Fenomena ini dipengaruhi oleh kewujudan konsep pemilikan persendirian serta keluasan kawasan hutan yang semakin berkurangan telah menyebabkan hasil yang boleh diperolehi menjadi terhad dan ini menjaskan sumber pendapatan mereka.

Pasaran yang terhad dan penipuan oleh golongan orang tengah juga menjadikan golongan ini semakin dihimpit kemiskinan. Contohnya sebelum tahun 1900, terdapat permintaan yang tinggi dan wujud pembeli-pembeli yang ramai

terhadap hasil-hasil hutan. Tetapi kini industri yang berasaskan hasil-hasil hutan seperti gutta percha semakin berkurangan (Gomes 1990). Permintaan terhadap getah asli di pasaran dunia yang tidak menentu turut menyebabkan masyarakat Orang Asli tertekan dengan kegiatan ekonomi pasaran.

Dalam melihat perubahan perkembangan kegiatan ekonomi wang, ianya tidak dapat berdiri teguh dan tidak mampu berkembang pesat tanpa bantuan dan sokongan dari faktor-faktor lain. Dengan itu sewajarnya kita perlu meneliti faktor-faktor lain yang membantu mempercepatkan perkembangan dan kemantapan kegiatan ekonomi wang.

Keperluan asas hidup manusia seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal turut sama mengalami perubahan. Bermula dari makan untuk mengelak kelaparan, berpakaian sekadar menutup badan dan tinggal di pondok atau rumah sekadar berlindung dari panas dan hujan. Keperluan asas ini mengalami perubahan bagi memenuhi tuntutan dari sekadar cukup untuk hidup kepada hidup untuk keselesaan serta kemewahan. Lantaran itu kita tidak dapat menafikan segala perubahan yang berlaku merupakan fenomena sejagat.

Fenomena perubahan ini tidak terjadi semata-mata kerana manusia memiliki wang. Terdapat elemen-elemen lain yang turut sama membantu mempengaruhi perubahan ini.

Antaranya peningkatan taraf pencapaian atau *achieved status*, penerimaan pendidikan, pekerjaan, pendedahan kepada dunia luar dan sebagainya. Maka itu apabila persoalan ini dirujukan kepada masyarakat Orang Asli, didapati faktor-faktor yang membantu kepesatan perkembangan kegiatan ekonomi wang dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran. Pendapat ini disokong oleh Rahimah *et. al* (1982), yang melihat kemudahan infrastruktur seperti sistem pengangkutan, sistem perhubungan, penyediaan bekalan elektrik, dan air juga penting dalam melihat pembangunan dan perubahan.

Sehubungan dengan itu kajian telah dilakukan di kalangan komuniti Jakun di dua buah kampung Orang Asli yang terletak di Daerah Rompin. Kedua-dua buah kampung ini telah dipilih untuk melihat perubahan sosial yang berlaku di kalangan anggota komunitinya. Dalam melihat perubahan sosial yang berlaku di kalangan masyarakat Jakun di Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga, umumnya saya bersetuju dengan pendekatan yang dikemukakan oleh Nicholas, khususnya berhubung dengan kegiatan ekonomi komersial yang menyebabkan perubahan berlaku. Ianya tidak jauh berbeza dengan suku Semai yang dijadikan perbandingan oleh Nicholas dan Dentan.

Perbezaan perubahan yang berlaku di antara kedua-dua kampung yang dikaji boleh dilihat berdasarkan pendekatan

tersebut. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna hanya melalui kegiatan ekonomi komersial sahaja yang menjadi faktor utama penyebab kepada perubahan. Sebaliknya terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kearah perubahan. Misalnya melalui hubungan antara etnik yang terbentuk, dan juga melalui program pembangunan, sama ada yang dirancang atau pembangunan umum.

Dalam kontek ini didapati kaum Jakun di kedua-dua kampung berada pada tahap penguasaan kegiatan ekonomi pasaran yang tinggi khususnya di Kampung Batu Tiga. Penguasaan komuniti ini ke atas faktor-faktor pengeluaran semakin berkurangan dan kian terhapus disebabkan 'pembangunan'. Keupayaan mereka untuk menghasilkan keluaran untuk kegunaan sendiri semakin kurang, malah sebaliknya mereka terpaksa bergantung kepada golongan pemodal untuk menjual tenaga ataupun untuk menjual hasil yang diperolehi dari hutan.

Apa yang membezakan di antara kedua-dua kampung ini ialah dominasi kapitalis yang lebih ketara di Kampung Batu Tiga. Di samping itu keadaan menjadi lebih buruk kerana peluang untuk penduduk di Kampung Batu Tiga menghasilkan tanaman makanan tidak dapat dilakukan. Keadaan ini disebabkan oleh tanah sekitar kawasan kampung yang tidak subur dan berpaya. Kegiatan ekonomi untuk mendapatkan wang terbuka kepada Kampung Batu Tiga melalui pekerjaan seperti

pekerja kilang, buruh bermusim, buruh kasar, menangkap ikan, udang atau ketam.

Sementara di Kampung Langkap dominasi para pemodal yang mewakili golongan kapitalis agak kurang. Keadaan ini memberi peluang kepada penduduk di Langkap menghasilkan pengeluaran sumber makanan sendiri. Misalnya ubi kayu yang menjadi makanan ruji telah ditanam di tiga kawasan berlian dan di sekitar kawasan perkampungan. Manakala sumber protein boleh diperolehi dari hutan dan juga sungai serta paya.

Di samping itu juga bagi mendapatkan barang keperluan yang tidak dapat dihasilkan oleh anggota komuniti, pertukaran dengan hasil-hasil hutan dilakukan. Buluh yang tumbuh dengan banyaknya di kawasan sekitar telah dijadikan bahan perantara untuk mendapatkan wang. Hasil jualan buluh ini digunakan untuk membeli barangan seperti pakaian, peralatan besi, dan makanan seperti gula, garam, ikan kering, tembakau, daun pucuk, sireh, pinang, dan lain-lain keperluan.

Perubahan dalam sistem ekonomi turut membawa berbagai lagi bentuk-bentuk perubahan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli khususnya kepada masyarakat Jakun. Perkembangan perubahan corak aktiviti ekonomi boleh dilihat berdasarkan urutan yang dibuat oleh Hood Salleh (1980b). Bermula dari

aktiviti ekonomi bercorak sara diri yang dapat memenuhi keperluan hidup kepada petani, buruh, penoreh getah, pekerja JHEOA, guru, dan peniaga.

1.3 Masyarakat Orang Asli dan Perubahan

Persoalan berhubung dengan pembangunan dan masyarakat Orang Asli kini menjadi salah satu dari isu penting yang sering diperkatakan dewasa ini. Isu ini telah berupaya menarik minat ramai pengkaji tempatan untuk diteliti dan dibincangkan. Antaranya Endicott (1984, 1987), Gomes (1986, 1990), Hassan Ishak (1993), Hassan Mat Nor (1993), Hood Salleh (1990), Nicholas (1989), Tan (1975), dan Williams-Hunt (1984, 1993, 1994).

Pembangunan yang akan dibincangkan melibatkan pembangunan dirancang dan pembangunan umum. Pembangunan dirancang merujuk kepada kegiatan perancangan yang dirangka dan dilaksanakan bagi tujuan peningkatan taraf sosio ekonomi masyarakat. Ianya melibatkan agensi kerajaan ataupun swasta. Selain dari itu masyarakat Jakun juga turut terlibat dengan program pembangunan umum. Pembangunan ini merujuk kepada bentuk pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh. Ia tidak mengkhususkan kepada mana komuniti, tetapi sebaliknya untuk kepentingan semua lapisan masyarakat.

Kedua-dua bentuk pembanguna ini didapati telah meninggalkan kesan dan membawa perubahan kepada Orang Asli khususnya masyarakat Jakun. Persoalanya di sini apakah kesan yang berlaku, bagaimanakah ia berlaku, dan adakah ia mencapai matlamat pembangunan yang sebenarnya?

Didapati tidak semua program pembangunan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli. Sebalinya ada di antara sesetengah program pembangunan yang dilaksanakan membawa kesan buruk. Berdasarkan kajian oleh Hood Salleh (1990) mendapati sesetengah dari dasar pembangunan kerajaan telah membawa kesan buruk kepada masyarakat Orang Asli. Misalnya program pembangunan jalan raya, pembangunan tanah, pembinaan lebuh raya, perladangan, pembinaan empangan telah menyebabkan masyarakat Orang Asli terhimpit dengan kemiskinan. Mereka kehilangan tanah, kehilangan sumber makanan dari hutan, kehilangan hasil-hasil hutan, dan yang lebih memburukkan keadaan mereka kehilangan tempat tinggal.

Keadaan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli didapati tidak dapat membangun dan memajukan taraf sosio ekonomi mereka. Di samping itu dasar kerajaan juga didapati telah menyebabkan Orang Asli terpaksa berdepan dengan gangguan seperti kehilangan tanah, kehilangan dusun buah-buahan, dan mengalami gangguan perubahan cara hidup (Endicott 1987). Ini menjadikan seolah-olah masa depan

Orang Asli bergantung kepada cara mereka dikendalikan oleh kerajaan.

Masyarakat Orang Asli juga didapati mula mendapat perhatian oleh pihak kerajaan bukan atas dasar kemanusiaan pada mulanya. Tetapi sebaliknya mereka mendapat perhatian kerajaan atas sebab tekanan politik (Tan C.B. 1975). Oleh itu penekanan untuk program membangunkan masyarakat ini bukan bermula diperingkat awal. Sebaliknya hanya setelah penubuhan unit pembangunan ekonomi dan binaan oleh JHEOA.

Melalui penubuhan unit pembangunan ekonomi dan binaan oleh JHEOA, memperlihatkan seolah-olah nasib masyarakat Orang Asli mula dibela. Unit pembangunan ekonomi dan binaan menyediakan berbagai bentuk program seperti pembangunan tanah, perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, ternakan dan perikanan, dan pembelian peralatan dan jentera pertanian.

Walaupun berbagai bentuk program pembangunan telah dirancang dan dilaksanakan, namun pencapaian masyarakat Orang Asli masih kurang memuaskan. Maruah dan harga diri masyarakat Orang Asli yang terkebelakang masih tidak dapat ditingkatkan sehingga ke hari ini.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam misalnya, mengakui bahawa masyarakat Orang Asli masih merupakan masyarakat

termiskin dan ketinggalan di negara ini (Hassan Ishak 1993). Antara sebab yang dikenal pasti menjadi punca masalah ini ialah Akta 134 yang menyekat kebebasan dan hak masyarakat ini¹. Di samping itu kekurangan pendidikan, masalah tanah, dan program pembangunan ekonomi tidak dilaksanakan di kawasan Orang Asli, telah dikenal pasti sebagai masalah utama.

Dalam hal ini kita seharusnya meneliti semula program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan. Sewajarnya penelitian semula wajar dilakukan terhadap bentuk program pembangunan kepada masyarakat Orang Asli. Tujuannya agar pembangunan dapat membawa manfaat dan mencapai matlamatnya.

Pembangunan yang berkesan seharusnya berupaya memberi peluang kepada masyarakat terbabit untuk sama-sama melibatkan diri dengan kegiatan perancangan. Keadaan ini perlu memandangkan masa depan mereka yang akan dirancang. Perancangan juga seharusnya memberi tumpuan yang lebih kepada kawasan yang kurang maju, dengan menyediakan perkhidmatan yang bersifat kamanusiaan (Robertson 1984).

-
1. Misalnya Sultan dan Menteri diperuntukan hak sepenuhnya bagi mengawal Orang Asli. Di samping itu Orang Asli hanya diberi hak menggunakan tanah sahaja tanpa hak pemilikan sepenuhnya. Masyarakat Orang Asli juga disekat kebebasannya untuk membentuk interaksi dengan masyarakat luar melalui peraturan yang mewajibkan orang ramai mendapatkan kebenaran bertulis sekiranya ingin memasuki kawasan perkampungan Orang Asli.

Tujuannya supaya dapat membantu golongan miskin meninggikan taraf hidup mereka.

Proses pembangunan yang melanda didapati telah mempengaruhi sikap, perlakuan, tingkah laku, cara hidup, dan budaya mereka secara langsung dan tidak langsung. Walaupun hakikatnya tujuan asal pembangunan lebih kepada unsur-unsur ke arah kebaikan, kemudahan, kemakmuran, dan kemajuan semua pihak. Namun disebalik tujuan baik masih berlaku perkara yang tidak baik. Masih ada golongan yang terhimpit dan lemas di antara arus pemodenan yang melanda dan kemiskinan yang mendesak.

Kelemahan yang nyata didapati berlaku di peringkat perlaksanaan program pembangunan khususnya untuk Orang Asli. Walaupun jutaan ringgit telah diperuntukan bagi tujuan pembangunan setiap tahun semenjak Rancangan Malaya dan kini Rancangan Malaysia. Namun keberkesanan perlaksanaan masih diragui. Perlukah kita sekadar berpuas hati dengan melihat perubahan cara berpakaian, penampilan, lingkungan pergaulan, aktiviti ekonomi, cara hidup, dan bentuk rumah yang tidak lagi berbentuk tradisi. Walaupun hakikatnya sudah ada yang beupaya membebaskan diri dari lingkungan hidup tradisi, namun masih ramai diantara mereka masih mengalami masaalah kekurangan makanan, berpenyakit, tidak mendapat pendidikan dan masih dibelenggu kemiskinan.

Kajian ini cuba menyingkap faktor-faktor yang membelenggu komuniti Jakun dari terus tersisih dan terkebelakang. Masalah dan penyelesaiannya cuba dilihat dari perspektif masyarakat ini. Perbandingan dilakukan di antara kampung tradisi dan kampung moden. Diharap melalui kajian ini setidak-tidaknya dapat memberi panduan dan penjelasan kepada pihak perancang pembangunan dan pihak yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dengan Orang Asli, untuk mengambil tindakan yang sewajarnya agar mereka tidak terus ketinggalan. Segala kelemahan dan kekurangan yang menyebabkan masyarakat Orang Asli terus terkebelakang perlu diberi perhatian, memandangkan sudah 41 tahun masyarakat Orang Asli dibawah pentadbiran dan pengurusan JHEOA.

Oleh itu dalam usaha merealisasikan pelan pembangunan yang berkesan, tiga perkara penting perlu diberi perhatian. Ianya melibatkan sumber tenaga dan kewangan yang ada, pengetahuan yang mendalam, dan satu bentuk kawalan yang berkesan. Ketiga-tiga perkara ini saling berkaitan antara satu sama lain terutamanya bagi memastikan keberkesanan program pembangunan.

Di samping itu, bagi memastikan projek pembangunan berjalan dengan lancar, maka penekanan harus diberikan kepada struktur pentadbiran yang berkesan. Segala bentuk rungutan dan sungutan yang disuarakan oleh masyarakat

terlibat juga tidak seharusnya dipandang sepi. Malah ianya amat penting dalam usaha memperbaiki kelemahan yang wujud, dan bagi memastikan matlamat dapat dicapai.

1.4 Skop dan Tujuan Kajian

Fokus kajian ini didasarkan kepada dua perkara penting iaitu pembangunan dan perubahan. Berdasarkan perkara ini perbincangan skop dan tujuan akan melibatkan elemen pembangunan. Elemen pembangunan dibezakan kepada dua bentuk yang berlainan. Pertama melibatkan pembangunan dirancang untuk masyarakat Orang Asli, dan kedua melibatkan pembangunan umum.

Kedua-dua elemen pembangunan tersebut merupakan antara agen penting pembawa perubahan. Di samping merangka projek-projek pembangunan sama ada yang dirancang atau pembangunan umum, keberkesanan program pembangunan perlu dinilai. Oleh itu dalam kes ini penilaian cuba dilakukan dengan menilai kualiti kehidupan masyarakat Jakun yang dikaji kesan pengaruh program pembangunan tersebut.

Pembangunan dirancang melibatkan pelan pembangunan yang sememangnya dirancang khusus bagi kepentingan dan kemajuan serta kemakmuran masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Antara program yang termasuk di dalam pelan

pembangunan dirancang seperti kemudahan prasarana, pendidikan, dan kegiatan ekonomi komersial yang melibatkan industri kecil, ternakan, pertanian, perniagaan, bengkel motor dan lain-lain.

Melalui penyaluran agen-agen pembangunan di atas didapati masyarakat Orang Asli telah mula berubah daripada menjalankan kegiatan ekonomi subsisten kepada kegiatan ekonomi pasaran. Perubahan ini juga bermakna sebahagian besar dari peruntukan masa yang sebelum ini dikhususkan kepada pengeluaran makanan telah berubah kepada kegiatan ekonomi komersial. Hanya sedikit sahaja daripada masa diperuntukan untuk melakukan aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan. Fungsi tenaga kerja daripada anggota keluarga seperti isteri dan anak-anak semakin kurangan penting. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan masyarakat Orang Asli umumnya dan Jakun khususnya terikat dengan kegiatan ekonomi pasaran.

Dalam aspek pembangunan dirancang pengkaji juga turut melihat peranan dan fungsi yang dimainkan oleh agensi-agensi yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dengan kaum Jakun yang dikaji. Peranan dan fungsi agensi terbabit dilihat berdasarkan sumbangan mereka terhadap perlaksanaan pelan pembangunan yang dirancang.

Skop kajian yang seterusnya meninjau aspek pembangunan

umum. Pembangunan umum merujuk kepada pelan pembangunan yang dilaksanakan khusus untuk tujuan pembangunan kawasan atau wilayah, tetapi tidak bertujuan pembangunan kaum Jakun. Malah sebaliknya ia lebih mementingkan pembangunan secara menyeluruh, dan pelan pembangunan jenis ini dilihat sebagai pembangunan umum. Antara aspek penting dalam pembangunan umum yang dibincangkan melibatkan penyediaan kemudahan prasarana termasuk bekalan elektrik, air, kemudahan telefon, dan peranan media massa. Selain dari itu kesan aktiviti penebangan hutan untuk tujuan pembangunan wilayah juga akan dibincang. Seterusnya proses perkahwinan campur juga akan dibincangkan walaupun ia bukan merupakan sebahagian dari aktiviti pembangunan. Tetapi disebabkan proses ini telah membentuk interaksi di antara etnik telah meninggalkan kesan yang ketara kepada masyarakat Jakun maka ia turut dibincangkan.

Didapati aktiviti-aktiviti terbabit telah berjaya mempengaruhi dan meninggalkan kesan ke atas pelbagai aspek sosio ekonomi dan budaya. Aspek pembangunan umum didapati telah meninggalkan pelbagai kesan baik dan buruk. Komuniti ini didapati telah mengalami peroses akulturasi, dan proses ini didapati telah membawa perubahan secara langsung kepada mereka yang terlibat. Dalam kontek masyarakat Jakun, proses akulturasi telah membentuk identiti etnik dan nilai budaya masyarakat Melayu dan Cina di kalangan komuniti ini. Pengaruh identiti dan budaya masyarakat Melayu dan Cina

boleh dilihat berdasarkan perkara-perkara seperti sambutan perayaan, cara berpakaian, kepercayaan, dan adat istiadat termasuk kematian, kelahiran, dan perkahwinan.

Tujuan utama tesis ini ialah untuk melihat beberapa perkara penting. Pertama kesan pembangunan dirancang dan pembangunan umum ke atas komuniti Jakun di Langkap dan Batu Tiga. Komuniti di Langkap didapati lebih terdedah dengan kesan pembangunan tidak dirancang berbanding dengan pembangunan dirancang. Sedangkan komuniti di Batu Tiga menerima pengaruh dari kedua-dua bentuk pembangunan tersebut. Perbezaan penerimaan kedua-dua bentuk program pembangunan ini akhirnya membentuk perubahan sosial yang berbeza di antara keduanya.

Dalam melaksanakan program pembangunan, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi seperti JHEOA, Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Pejabat Kesihatan, dan Pusat Kesihatan amat penting. Oleh itu fungsi dan peranan yang dimainkan oleh agensi terbabit harus diberi perhatian. Tujuannya supaya tugas dan tanggungjawab agensi terbabit dapat diseimbangkan dan seterusnya dapat mencapai matlamat untuk membangunkan masyarakat Orang Asli seiring dengan masyarakat nasional lain.

Keberkesanan program pembangunan yang dilaksanakan juga seharusnya perlu diberi perhatian. Sebagai agensi yang

mendapat mandat rasmi dan tidak rasmi untuk membangunkan masyarakat Orang Asli selaras dengan matlamat dan cita-cita negara, maka sewajarnya penilaian program perlu dilakukan. Penilaian ke atas program harus didasarkan kepada kehendak dan keperluan komuniti ini dan bukan berdasarkan kehendak sesetengah pihak.

Tesis ini juga bertujuan untuk mengenengahkan beberapa persolan dan kehendak komuniti Jakun yang dahagakan pembangunan. Melalui pendedahan ini diharap agar pihak yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dengan masyarakat Orang Asli secara umum dapat mengambil iktibar. Di samping itu diharap saranan yang diberikan dapat dijadikan panduan untuk merangka dan melaksanakan program pembangunan untuk komuniti ini dimasa depan.

Akhir sekali tujuan tesis ini dilaksanakan adalah untuk melihat perubahan sosial yang berlaku di kalangan komuniti Jakun di kedua-dua kampung yang dikaji. Perubahan sosial ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan yang melibatkan sosio ekonomi, politik, adat resam, dan cara hidup. Didapati perbezaan perubahan yang berlaku di antara kedua-duanya disebabkan perbezaan pengaruh yang didatangkan dari luar, iaitu menerusi program pembangunan dirancang khusus untuk mereka dan pembangunan secara menyeluruh.

Sebagai rumusan didapati program pembangunan di

rancang dan pembangunan umum merupakan antara faktor penting menyebabkan perubahan sosial berlaku di kalangan komuniti Jakun di Kampung Langkap dan Batu Tiga. Namun ini tidak bermakna faktor perkembangan kegiatan ekonomi pasaran, pembentukan interaksi, fungsi dan peranan agensi-agensi terbabit harus diabaikan. Sebaliknya fungsi dan peranan yang dimainkan oleh unsur-unsur luaran di atas turut menjadi penyumbang ke arah perubahan sosial yang berlaku.

1.5 Kaedah Penyelidikan

Dalam proses mendalami fenomena perubahan sosial yang berlaku ke atas masyarakat Jakun, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan selama enam bulan di dua buah kampung yang terbabit. Bermula dengan perbincangan dengan penyelia, dan diikuti lawatan yang dijalankan dibeberapa buah perkampungan Orang Asli dari suku Jakun di Daerah Rompin. Dengan kerjasama JHEOA Daerah Rompin, maka dua buah kampung telah dipilih. Pemilihan ini dibuat berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki dan bersesuaian dengan tajuk dan bidang kajian. Kampung Langkap dipilih berdasarkan ciri-ciri tradisinya dan Kampung Batu Tiga dipilih berdasarkan ciri-ciri modennya.

Maka pada 1hb. Mei 1994 sehingga 30hb. Julai 1994 pengkaji telah tinggal di Kampung Langkap, dan kajian ini

diteruskan lagi di Kampung Batu Tiga, bermula dari 1hb. Ogos 1994 sehingga 29hb. Oktober 1994. Sepanjang tempoh enam bulan pengkaji telah tinggal bersama dengan komuniti Jakun dikedua-dua kampung terbabit.

Pengalaman selama tiga bulan yang pertama tinggal di Kampung Langkap dan mendiami sebuah 'rumah'¹ membawa erti yang cukup besar kepada pengkaji. Rumah ini sememangnya didirikan khas untuk pengkaji oleh *Batin Angkut* dengan kerjasama anak buah selama lebih kurang satu hari setengah. Bentuk rumah tersebut hampir sama dengan bentuk rumah komuniti ini hanya keluasannya sahaja yang lebih kecil. Ketinggiannya kira-kira tiga kaki dari tanah, dengan keluasan 8'x 10'. Hanya dengan satu ruang yang dibina ia telah dijadikan tempat memasak, tidur, berehat dan menerima tetamu. Tiada sebarang kemudahan di sini, pengkaji menggunakan sungai sebagai sumber utama untuk mendapatkan bekalan air. Sementara lilin dan lampu minyak tanah digunakan sebagai pengganti kepada lampu.

Pada tiga bulan yang terakhir, pengkaji berpindah ke Kampung Batu Tiga. Di Batu Tiga pengkaji mendiami sebuah bengkel rotan lama yang tidak lagi digunakan dengan

1. Rumah ini boleh diertikan sebagai sebuah pondok, dibina daripada tiang bulat, beratapkan sejenis daun yang berbentuk kipas, berdinding dan berlantaikan buluh cincang (buluh bulat yang dipotong mengikut ukuran, tertentu dibelah dengan parang atau diketuk sehingga pecah atau dipijak sehingga pecah).

persetujuan Pegawai JHEOA Daerah dan *Batin* Yasa. Keadaan tempat tinggal di Batu Tiga jeuh lebih baik berbanding dengan di Langkap. Walaupun hanya terdapat satu ruang, tetapi dengan keluasan 20' x 20' menjadikan ia cukup selesa untuk dijadikan tempat tidur, tempat memasak, tempat menyidai pakaian, menerima tetamu, dan tempat membaca. Bengkel ini juga mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan sebuah tandas curah. Bagaimanapun untuk mendapatkan bekalan air bagi kegunaan harian, pengkaji menggunakan air perigi dari rumah berhampiran.

Pada peringkat awal kajian masalah utama yang dihadapai berkaitan dengan komunikasi dan persepsi negatif masyarakat Orang Asli terhadap Orang Melayu. Pengkaji sebagai orang yang menakutkan di mata komuniti ini, dan dilihat sebagai '*scientific stranger*' (Crane dan Michael 1974:63). Istilah ini merujuk kepada orang yang terlalu asing serta menimbulkan rasa curiga di kalangan masyarakat setempat. Di samping perasaan etnosentrik pada pengkaji juga akhirnya dapat dikikis oleh pengkaji setelah mendalam kehidupan sehari-hari bersama-sama dengan komuniti ini. Namun akhirnya segala prasangka sebagai orang asing ini dapat dikikis dan pengkaji dapat diterima menjadi rakan yang dipercayai oleh mereka.

Masalah ini lebih ketara di kalangan komuniti Jakun di Kampung Langkap disebabkan kekurangan perhubungan komuniti

ini dengan masyarakat luar, sebaliknya mereka hanya berkomunikasi dengan masyarakat luar apabila ke Bandar Muadzam Shah atau Bukit Ibam. Selain daripada itu perhubungan juga wujud melalui penjual-penjual barang pengguna seperti gula, garam, beras, tembakau, ikan kering, makanan dalam tin, biskut, kuih, ais krim, pakaian, dan beberapa jenis barang lain yang mengunjungi mereka dua atau tiga kali sebulan. Apa yang jelas bentuk perhubungan mereka dengan masyarakat luar terbatas dan adalah tidak pelik sekiranya mereka akan menyembunyikan diri apabila orang yang tidak dikenali memasuki perkampungan mereka.

Pengkaji juga sukar diterima, disebabkan tanggapan negatif mereka terhadap masyarakat Melayu yang sering kali dikaitkan dengan Islam. Penolakan ini ada hubungannya dengan cerita asal usul Orang Asli dan Orang Melayu¹. Selain daripada itu kebimbangan juga wujud sekiranya mereka memeluk Islam pergantungan mereka terhadap binatang buruan hutan seperti babi, monyet, nekah, lotong, kura-kura, ular,

-
1. Menurut Mamak Angkut, seorang yang berpengaruh di Kampung Langkap menjelaskan berdasarkan cerita yang didengari dari datok dan neneknya, pada mulanya Orang Asli dan Orang Melayu bersahabat baik. Orang Melayu tinggal di persisiran pantai dan Orang Asli tinggal di pinggir hutan, dan hubungan kedua-duanya sangat baik bagaikan adik beradik. Walaubagaimanapun pada suatu hari berlaku pertengkarhan dan sehingga menyebabkan berlaku pergaduhan antara Orang Melayu dan Orang Asli lalu terjadi perperangan. Orang Asli telah diburu oleh Orang Melayu, disebabkan Orang Melayu mempunyai senjata yang lebih baik dari Orang Asli maka mereka berjaya menangkap Orang Asli. Sementara Orang Asli yang terlepas dari buruan terus mlarikan diri ke dalam hutan, dan sehingga ke hari ini Orang Asli masih ramai yang tinggal di dalam hutan.

dan pelbagai jenis binatang hutan yang lain sebagai sumber makanan utama akan terhapus.

Pengkaji juga tidak dapat menafikan tentang gambaran buruk yang diberikan oleh rakan mereka yang pernah memeluk Islam, tidak berupaya mempamirkan ciri-ciri seorang Islam yang baik. Apabila bersama dengan masyarakat Islam yang lain mereka mengamalkan cara hidup sebagai seorang muslim, tetapi sebaliknya jika dibelakang mereka meneruskan cara hidup lama mereka. Oleh itu ramai di antara Orang Asli merasakan tuhan mereka dipermainkan oleh golongan seperti ini. Jelasnya paparan unsur negatif yang dilihat oleh masyarakat Orang Asli ini telah menyebabkan mereka menyimpan prasangka yang tidak baik terhadap masyarakat Melayu, dan masalah ini terpaksa dihadapi oleh pengkaji.

Keadaan di Batu Tiga agak berlainan, memandangkan penduduk di sini mempunyai sikap yang lebih terbuka, maka pengkaji tidak mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dan diterima oleh penduduk kampung. Ada di antara ibu bapa yang menyuruh anak-anak perempuan mereka menemani pengkaji. Tujuannya supaya pengkaji tidak merasa bosan dan kesunyian semasa tinggal di kampung mereka.

Setelah lebih dari sebulan tinggal di kawasan penempatan suku Jakun ini dan ikut serta dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan, perubahan mula dirasai, dan

pengkaji dapat diterima sebagai sebahagian daripada anggota komuniti. Nilai-nilai murni jelas kelihatan dalam sebarang tindakkan dan perlakuan, lantaran cara hidup mereka yang serba sederhana, dan tinggal di dalam komuniti yang sederhana besarnya. Hubungan yang erat juga wujud di antara satu sama lain di kalangan anggota komuniti.

Sama seperti ahli antropologi yang lain pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan ikut serta dalam membuat kajian ini. Crane dan Michael (1974:63) menjelaskan pendapat mereka bahawa pemerhatian dan ikutserta bukan merupakan satu teknik penyelidikan sebaliknya merupakan satu set 'penyelidikan yang berkaitan'. Seterusnya mereka mendefinisikan kaedah pemerhatian dan ikutserta sebagai:

Participant observation is field research in which the ethnographer is not merely a detached observer of the lives and activities of the people under study, but is also a participant in that round of activities. hal:63)

Kaedah pemerhatian dan ikut serta juga berupaya membentuk perhubungan yang lebih mesra dan bentuk hubungan yang tidak formal, dalam, dan dapat bertahan untuk jangka masa panjang. Hubungan ini penting untuk memastikan pengkaji memperolehi kerjasama dalam proses mengumpul maklumat dan data. Sepanjang tempoh tinggal bersama dengan komuniti ini di kedua-dua kampung yang terbabit kaedah tersebut telah digunakan untuk memperolehi '*primary data*'.

Perlu diingatkan di sini bahawa kaedah ini mempunyai fleksibiliti dan pada bila-bila masa boleh disesuaikan dengan keadaan dan tempat bagi mendapatkan maklumat. Antaranya temuduga sama ada yang berbentuk formal atau tidak formal, soal selidik khususnya untuk mendapatkan maklumat asas seperti jumlah komuniti, jantina, pekerjaan, agama, dan pendidikan. Dalam kontek temuduga ini pengkaji ingin menekankan di sini bahawa penguasaan bahasa amat penting sekali, pertamanya bagi tujuan memudahkan diterima dan yang keduanya supaya dapat memahami dengan lebih mendalam.

Temu bual tidak formal turut dilakukan khususnya bagi mendapat maklumat lanjut mengenai berbagai aspek kehidupan. Kebiasaanannya informan harus diberi peluang bercakap dan bercerita di tempat yang biasa dengannya agar ia dapat merasakan seperti berada dirumahnya sendiri. Adakalanya amat baik sekiranya kunjungan awal dilakukan bagi mewujudkan ikatan dan hubungan yang lebih baik dan lebih mesra dengan responden.

Fotografi juga tidak kurang pentingnya dalam kajian ini, dan ia bertindak sebagai mata yang tidak pernah menipu. Ia juga dianggap sebagai '*first view of strangers*' (Collier 1967) yang mengizinkan orang baru mengenali budaya asing untuk direkodkan, gambar juga berupaya memberitahu orang baru tentang bahasa visual budaya baru. Selain

daripada itu gambar juga mampu memaparkan perbezaan yang komplek dan sukar digambarkan melalui tulisa, sekiranya boleh ia memerlukan penerangan yang panjang lebar.

Kaedah ini juga amat penting khususnya bagi merakamkan satu siri perkembangan teknologi yang digunakan oleh masyarakat yang dikaji. Contohnya yang palig jelas seperti penggunaan peralatan pertanian, peralatan menagkap ikan, peralatan memburu, peralatan muzik, pakaian, bentuk rumah, dan segala aspek kehidupan masyarakat yang dikaji (Crane dan Michael 1974).

Akhir sekali catatan dairi dan catatan nota yang amat penting dan telah dilakukan setiap hari sepanjang tempoh berada di tempat kajian. Catatan rekod harian amat penting terutamanya apabila pengkaji ingin menganalisa perkara-perkara seperti, aktiviti ekonomi yang dijalankan, jumlah jam bekerja, jumlah hari bekerja, jumlah perbelanjaan harian, dan jumlah pendapatan harian. Dalam kes ini beberapa buah keluarga telah dijadikan sampel untuk menganalisa bagaimana peruntukkan pendapatan diagihkan, dan *cross check* dilakukan dengan penduduk yang lain juga penjual sendiri bagi memastikan harga sebenar barang yang dibeli supaya tidak berlaku perbezaan harga.

Pada hari-hari tertentu pengakaji turut serta dalam aktiviti harian yang dilakukan seperti *berhubik* (mencari

ubi kayu), *berkecok* (mencari udang sungai), *berbuluh* (menebang buluh), *berapik* (mencari kay api), menyangkul, menebas, memancas, memerun dan aktiviti menuba. Penyertaan pengkaji bersama-sama penduduk setempat dalam melakukan aktiviti-aktiviti harian seperti ini banyak membantu pengkaji untuk lebih memahami keadaan sebenar. Di samping itu pengkaji juga dapat diterima di kalangan komuniti ini sebagai sebahagian daripada sahabat mereka.

Setelah selesai menjalankan kerja-kerja *berhubik*, *berkechok*, memasak, dan memuci pakaian, waktu tengahari antara jam 1.00 hingga 3.00 petang merupakan waktu rehat bagi kaum wanita. Keadaan cuaca yang panas menyebabkan mereka beramai-ramai berkumpul di bawah teduhan rimbunan pokok-pokok berhampiran rumah sambil berbual-bual. Setiap hari fenomena ini berlaku dan dengan kesempatan ini pengkaji turut sama mengambil bahagian bersama-sama wanita tersebut untuk mendapatkan maklumat. Sambil berceloteh tentang berbagai cerita, maklumat penting diperolehi berdasarkan kaeda-kaedah yang telah disebutkan di atas.

Pada waktu senggang seperti petang dan malam antara jam 6.00 petang hingga jam 10.00 malam merupakan waktu penting untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Pada waktu ini biasanya semua kerja harian telah selesai dan seluruh penduduk kampung akan berkumpul beramai-ramai dan sambil berbual-bual tentang pelbagai perkara. Fenomena ini lebih

ketara khususnya di Kampung Langkap, setiap hari mereka akan berkumpul dan berbincang tentang aktiviti yang telah dan akan dilakukan di salah sebuah rumah dan kebiasaan rumah Batin menjadi tumpuan. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya oleh pengkaji untuk memperolehi pelbagai maklumat.

Suatu kebetulan yang amat menguntungkan pengkaji ialah dari segi kedudukan rumah pengkaji di kedua-dua kampung terletak bersebelahan dengan rumah *batin*, dan keadaan ini memudahkan pengkaji. Ada ketika-ketika tertentu pengkaji mendengar gosip-gosip tentang orang-orang tertentu dan perkara-perkara yang dianggap sulit.

Sebagai seorang pengkaji wanita yang melakukan kajian berdasarkan kaedah pemerhatian dan ikut serta, terdapat sedikit masalah pada peringkat awal kajian dilakukan. Misalnya masalah keselamatan dan penyesuaian dengan persekitaran. Bagaimanakah cara terbaik yang perlu dilakukan ketika ingin mandi di sungai? Di manakah harus dituju untuk membuang air? Bolehkah saya tinggal di sini seorang diri tanpa sebarang kemudahan asas? Selamatkah saya bermalam di dalam pondok berdinding buluh ini? Persoalan-persoalan ini agak sukar untuk diatasi pada peringkat awal kajian. Walau bagaimanapun semua ini bukan merupakan masalah besar yang boleh dijadikan penghalang untuk melakukan kajian.

Pengkaji tidak merasakan faktor jantina sebagai penghalang untuk melakukan kajian. Malah sebaliknya pengkaji merasa bertuah kerana mendapat keutamaan dalam banyak perkara. Banyak pihak yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan atas dasar simpati kerana pengkaji seorang wanita dan keseorang.

1.6 Pembahagian Bab

Dibahagian akhir bab ini saya ingin memberi penjelasan ringkas berkenaan pembahagian bab untuk dijadikan panduan. Bab Pertama berkisar kepada pengenalan berhubung dengan masyarakat Orang Asli secara umum, dan menyentuh secara ringkas tentang pandangan dan tanggapan masyarakat umum terhadap komuniti Orang Asli. Perbincangan juga dilakukan berhubung dengan sumbangan kajian dan penulisan tentang Orang Asli yang dilakukan oleh penulis dan pengkaji tempatan dan luar negara. Fokus kajian pengkaji ditumpukan kepada kepada komuniti Orang Asli daripada suku Jakun. Seterusnya skop kajian membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek pembangunan. Dalam bab ini juga turut menyentuh tentang pendekatan teori yang digunakan, dan dibahagian akhir bab perbincangan tertumpu kepada kaedah penyelidikan yang digunakan.

Bab kedua pula menyentuh tentang kawasan kajian yang melibatkan kampung-kampung yang telah dipilih, kedudukan,

dan latar belakang dan ciri-ciri sosio budaya dibincang secara terperinci. Antaranya melibatkan aspek-aspek demografi, pengelasan umur, sistem kekeluargaan, pemilikan, kepimpinan, agama, dan taraf pendidikan, masyarakat Jakun di Kampung Langkap dan Batu Tiga.

Bab ketiga lebih memberi tumpu kepada aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di kedua-dua kampung yang dikaji secara terperinci.

Seterusnya bab keempat merupakan salah satu daripada intipati tesis ini, yang membicarakan tentang penbangunan yang dirancang khusus untuk masyarakat Orang Asli. Antara aspek yang akan dibincangkan melibatkan aktiviti pembangunan ekonomi, dan pembangunan sosial. Di samping itu fungsi dan peranan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang asli (JHEOA), Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Pusat Kesihatan, Pejabat Kesihatan dalam usaha membantu membangunkan masyarakat Jakun turut dibincangkan. Fungsi dan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi pembangunan didapati telah membantu kearah pembentukan perubahan sosial di kalangan masyarakat.

Bab kelima masih membincangkan isu pembangunan, namun di bahagian ini tumpuan diberikan kepada aspek pembangunan yang umum. Ini bermakna aktiviti-aktiviti pembangunan yang dilakukan bukan bertujuan untuk membangunkan masyarakat

Orang Asli secara khusus, sebaliknya untuk pembangunan masyarakat keseluruhannya. Program pembangunan umum yang dibincang melibatkan kemudahan prasarana seperti jalan raya, bekalan elektrik, dan air bersih. Di samping itu fungsi dan peranan media massa seperti radio, televisyen, surat khabar, majalah, dan telefon turut dibincangkan dalam melihat kesan yang dibawa oleh media ini. Selain dari itu perbincangan juga ditumpukan kepada aktiviti penebangan hutan untuk tujuan pembangunan yang turut meninggalkan kesan kepada masyarakat Jakun.

Bab yang keenam menyentuh adat, interaksi sosial dalam masyarakat Jakun yang telah mengalami perubahan secara beransur-ansur. Perubahan sosial yang dialami dilihat dari pelbagai aspek kehidupan yang melibatkan material dan spiritual. Kesan langsung dan kesan tidak langsung didapati telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti taraf sosio ekonomi, pembangunan setempat, corak hidup, adat resam, sistem pentadbiran, dan kesan-kesan negatif yang membawa kepada gejala sosial.

Akhir sekali di bahagian akhir tesis ini cuba membuat penelitian semula terhadap program pembangunan dan cabaran masa depan yang perlu ditempuhi oleh masyarakat Orang Asli khususnya dari suku Jakun dalam menangani masalah ini. Bab ini juga turut membincangkan tentang masalah yang dihadapi dan perubahan yang seharusnya dilakukan oleh semua pihak

yang terbabit. Tidak kira pembabitan tersebut secara langsung atau pun tidak langsung, seharusnya perubahan sikap perlu dilakukan untuk kepentingan bersama. Akhir sekali di bahagian akhir bab ini membincangkan kesimpulan secara keseluruhan kesan yang dialami oleh komuniti Jakun di Langkap dan Batu Tiga terhadap proses pembangunan dan perubahan yang berlaku.